

# PEMBELAAN ISLAM

## Terhadap serangan Ateisme

Ada baiknya dalam saat orang-orang Islam sedang menderita dengan perbuatan-perbuatan komunis kita menatap semula ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis, seorang ulama Indonesia yang terkenal dalam masa diadakan muktamar di Palembang pada penghujung tahun 1957 dahulu. Ucapan beliau ini sangat baik untuk menyedarkan umat kita terutamanya pemuda-pemuda akan bahaya komunis, pengertiannya dan fahamannya.

Selanjutnya setelah kaum komunis menguasai daerah itu jadilah ia daerah tertutup bagi orang luar. Tiada seorang pun yang boleh lagi memasukinya demikian juga mereka tiada boleh berkunjung ke daerah luar. Demikianlah daerah itu terkenal sebagai daerah di belakang tabir besi. Mulai saat itu orang luar tiada mengetahui dengan pasti lagi apa sebenarnya yang telah terjadi di daerah tersebut. Seseekali terdengarlah berita-berita yang cukup menyeramkan bulu roma mengenai nasib agama Islam dan kaum Muslimin kerana tindakan kejam dari kaum komunis yang diceritakan oleh pelarian-pelarian bangsa Turkistan yang dapat meloloskan dirinya.

Dalam peninjauan yang diterangkan di atas dapatlah saya mempersaksikan sendiri apa yang sebenarnya yang telah terjadi selama kaum komunis telah berkuasa di daerah itu. Sebenarnya penindasan dan perkuasaan terhadap agama Islam telah dilakukan dengan sekejam-kejamnya. Umat Islam tidak diizinkan membuka madrasah agama. Tidak diizinkan memasukkan pelajaran agama dalam sekolah-sekolah umum. Tidak diizinkan menerbitkan buku-buku agama dengan bebas. Tidak diizinkan mengajar dan menyiarkan agama di khalayak ramai. Tidak diizinkan memasukkan buku-buku agama dari luar. Tidak dibebaskan pergi keluar daerah untuk belajar agama. Sedang kepada

kaum anti-agama diberikan kebebasan dan kesempatan yang seluas-luasnya mempropagandakan anti agama itu. Kepada anak-anak dikenakan peraturan wajib belajar pada sekolah-sekolah yang di dalamnya diajarkan faham anti agama. Kesemuanya berjalan dalam rangka pelaksanaan cita-cita kaum komunis yang dilaku secara tangan besi dan diktator. Maka akhirnya anak-anak tersebut menjadi orang yang berfaham anti-agama pula. Tidaklah hairan jika setelah hampir empat puluh tahun kaum Komunis berkuasa tidak kelihatan lagi umumnya orang yang beragama selain yang tua-tua yang telah berusia lima puluh dan enam puluh tahun ke atas yang sengaja telah belajar agama sebelum kaum Komunis berkuasa di sana. Kesetiaan mereka terhadap agama Islam adalah semata-mata berkat kekuatan imam dan ketabahan hati belaka yang berpendirian: "biar mati asalkan Islam".

Demikian satu daerah yang telah memeluk agama Islam hampir tiga belas kurun lamanya dengan penuh kesetiaan dan ketabahan hati, pada suatu saat yang tiada hampir setengah kurun jatuh ke dalam tangan kaum komunis telah dapat menghancurkan jiwa dan sendi-sendi agama itu dari anak cucu turunannya.

Moga-moga kejadian ini dapat menjadi iktibar bagi kita kaum Muslimin di Indonesia. Kepada alim

ulama saya sampaikan salam amanah saudara-saudara umat Islam yang sedang menderita di Turkistan itu. Moga-moga Tuhan selalu memberikan perlindungan kepada mereka dan kepada umat Islam di Indonesia - Amin.

### **Pembelaan Islam terhadap serangan Anti-Tuhan**

Islam adalah agama perdamaian, pembelaan kebenaran dan keadilan yang harus dilaksanakan oleh pemeluk-pemeluknya dengan segenap kesetiaan dan kejujuran, dalam pada itu agama Islam mengajarkan pula jika diserang boleh membela dan mempertahankan diri. Pembelaan itu akan disesuaikan dengan serangan yang datang. Islam telah menentukan cara-cara yang jelas dan tegas mengenai pembelaan tersebut:

1 - Jika orang bertindak dengan faham Anti-Tuhannya dan dengan faham-faham yang lain yang sesat sekadar mengemukakan dan mempropagandakan fahamnya, maka agama Islam memerintahkan supaya mengamalkan firman Tuhan:

*Ud'u ilā sabīli rabbika bi al-ḥikmati wa al-maw'izati al-ḥasanati.*

*Wajādilhum bi al-latī hiya aḥsan.*

Maksudnya: "Ajaklah orang kepada Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat-nasihat yang baik dan bertukar fikiranlah dengan mereka dengan sebaik-baiknya". (Surah al-Naḥl 125).

2 - Jika tindakannya dengan fahamnya itu telah sampai kepada taraf kemungkaran, maka agama Islam memerintahkan supaya mengamalkan sabda Nabi (SAW):

*Man ra'ā minkum munkaran falyughayyirhu biyadihi fa in lam yastati'*

*fabilisānihi fa in lam yastati' fabiqlabihi wa dhalika ad'afu al-īmān.*

Maksudnya: "Barang siapa di antara kamu melihat yang mungkar hendaklah diubahnya dengan tangannya dan jika tiada sanggup maka dengan lidahnya dan jika tiada sanggup maka dengan hatinya dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman." (Riwayat Aḥmad dan Muslim).

3 - Jika tindakannya dengan fahamnya itu telah sampai kepada taraf i'tidā', melampaui batas terhadap kita, maka agama Islam memerintahkan supaya mengamalkan perintah Tuhan:

*Fa man i'tadā 'alaykum fa 'adū 'alayhi bimithli mā i'tadā 'alaykum wa attaḡū Allāha wa a'lamū anna Allāha ma'a al-muttaḡīn*

Maksudnya: "Maka barangsiapa melakukan i'tidā' atas kamu, maka lakukanlah i'tidā' atasnya seperti i'tidā' yang telah dilakukannya atas kamu. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu beserta orang-orang yang bertakwa." (Surah Al-Baqarah 195.) [nota: ayat sebenar 194]

4 - Jika tindakannya dengan fahamnya itu telah sampai kepada taraf mempergunakan senjata, menyerang dan memerangi kita, maka agama Islam memerintahkan supaya mengamalkan firman Tuhan:

*Wa qātilū fī sabīli Allāhi alladhīna yuqātilūnakum walā ta'tadū Inna Allāha lā yuḥibbu al-mu'tadīn*

Maksudnya: "Dan perangilah pada sabilillah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu melewati batas kerana sesungguhnya Allah tiada suka terhadap orang-orang yang melewati batas." - (Surah Al-Baqarah 190).

5 - Jika tindakannya dengan fahamnya itu telah sampai kepada taraf melakukan "fitnah", memaksa orang meninggalkan agamanya, menganiayai orang-orang yang menjalankan hukum-hukum agamanya, melakukan penyiksaan terhadap orang-orang yang mengamalkan dan mengembangkan agamanya, maka agama Islam memerintahkan mengamalkan perintah Tuhan:

*Wa qātiluhum ḡattā lā takūna fitnatun wayakūna al-Dīnū Llāh Fa'in intahaw falā 'udwāna illā 'alā al-dhālimīn*

Maksudnya: "Dan perangilah mereka hingga tidak ada fitnah dan jadilah agama itu kerana Allah. Kalau mereka

telah menggantikan - perbuatan fitnahnya - maka tidaklah ada

permusuhan kecuali terhadap orang-orang yang zalim” -

(Surah Al-Baqarah 193)

Di dalam pada itu Nabi Muhammad (S.A.W) memperingatkan kepada kita akan sabdanya:

Maksudnya: “Barang siapa terbunuh kerana mempertahankan agamanya maka ia syahid.” - (Riwayat Ahmad, Abu Dawud, Al-Tirmizi, Al-Nisa’i dan Ibn Hibbān.)

Selanjutnya Nabi Muhammad (S) menyemangatkan kita dengan sabdanya:

*Yā ayyuha al-nās la tatmanū liqā’a al-aduww wa āsālu Allāh al-’āfiyatu faidhā laqītumuhum fa ṣābirū wa a’lamū an al-jannatu tahta zilāl al-suyūf*

Maksudnya: “Hai manusia, janganlah kamu

mencita-cita bertemu dengan musuh. Mintalah afiat kepada Allah.

Maka jika bertemu kamu dengan mereka tabahkanlah hatimu,

dan ketahuilah bahawa sesungguhnya syurga itu di bawah

bayangan pedang.” - (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

6 - Jika musuh dengan faham anti Tuhannya itu belum

bertindak, maka agama Islam memerintahkan supaya selalu

waspada dan mempersiapkan diri dengan “kekuatan”

mengamalkan firman Tuhan:

*Wa ā’iddū lahum mā astaṭa’tum min quwwati wa min ribāṭi al-khayli turhibūna bihi ’aduwwa Llāhi wa aduwwa kum wa ākharīna min dūnihim lā ta’lamūnahum Allāh ya’lamuhum. Wa mā tunfiqū min shay’in fī sabīlī Llāh yurwaffa ilaykum wa antum la tuzlamūn, wa in janahū li salmi fa ijnah lahā wa tawakkal ’alā Allāh innahū huwa al-samī’ al-alīm*



**Rombongan penuntut-penuntut umum, Batu 20 Sungai, Ulu Langat, ketika mengadakan kunjungan ke rumah**

**Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman baru-baru ini. Rombongan ini telah menghadiahkan sejadah kepada**

**Yang Berhormat Tunku. - Kiriman Muhammad Yusuf Bin Mahmud.**

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu membikin persiapan kekuatan dan membuat persiapan kedua sesanggup-sanggup kamu untuk menghadapi mereka supaya dengan demikian itu kamu menggentarkan musuh Allah dan musuh-musuh kamu dan musuh-musuh yang lain lagi selain mereka yang tidak kamu ketahui tetapi Allah mengetahuinya. Dan sesuatu yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan kepada kamu balasannya dan kamu tidak akan teraniyai. Dan jika mereka condong kepada perdamaian maka condonglah engkau kepadanya dan berserlahlah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” - (Surah al-Anfāl, 60).

#### **Kesimpulannya:**

Sampailah saatnya bagi saya untuk mengemukakan kesimpulan mengenai usaha yang harus dilaksanakan sebagai pembelaan terhadap serangan anti Tuhan dari berbagai segi yang telah diterangkan sambil mengingat kemungkinan pelaksanaannya dalam negara hukum republik Indonesia. Kesimpulan tersebut adalah sebagai berikut:

1. Mengeluarkan “fatwa” mengenai faham anti Tuhan yang akan jadi pegangan bagi umat Islam seluruhnya. Fatwa tersebut harus tegas dan jelas sehingga tidak dapat dipermainkan oleh berbagai-bagai tafsiran yang akan menghilangkan atau melemahkan jiwa dan maksudnya semula. Dalam fatwa itu harus disetujui dan ditandatangani oleh alim ulama yang terkemuka di seluruh Indonesia. Selanjutnya hendaklah fatwa tersebut disiarkan seluas-luasnya melalui surat khabar-surat khabar, majalah-majalah dan siaran-siaran lain. Dan disiarkan lagi dalam syarahan-syarahan, dalam rapat-rapat umum, tabligh, ceramah dan khutbah Jumaat. Dimuat dalam buku-buku

karangan dan buku-buku pelajaran tauhid yang diajarkan di madrasah-madrasah supaya anak-anak mengetahui satu demi satu golongan orang yang berfaham anti Tuhan.

2. Mengeluarkan fatwa khusus mengenai faham komunis yang menyatakan dengan tegas bahawa faham komunis adalah anti Tuhan yang amat berbahaya bagi umat yang beragama. Penganutnya akan melakukan tindakan kekerasan dan menegakkan pemerintahan diktator dalam melaksanakan cita-citanya. Dan tindakan selanjutnya akan disesuaikan dengan fahaman yang tiada mempercayai Tuhan dan tiada mengenal dosa dan akhirat.

3. Melakukan tindakan selanjutnya dalam menghadapi golongan anti Tuhan hingga sampai kepada akibat-akibatnya dalam hukum Islam, misalnya hukum perkahwinan, hukum pusaka, hukum jenazah dan sebagainya. Sehingga orang banyak tiada dapat diragu-ragukan lagi mengenai kesatuannya.

4. Membentuk persatuan yang khusus menghadapi perkembangan dan serangan faham komunis khusus dan dalam anti Tuhan umumnya yang dibelanjai oleh umat Islam. Persatuan itu harus berdiri di atas segala parti dan menjadi kepunyaan umat Islam seluruhnya. Sedang tugasnya, harus dibatasi hanya menghadapi perkembangan-perkembangan dan serangan faham komunis khususnya dan faham anti Tuhan umumnya. Rencana kerja selanjutnya kepada suatu badan yang diberi amanah oleh muktamar untuk menyusunnya.

5. Mengusahakan kerjasama dengan segala golongan kaum yang beragama di dalam dan di luar negeri dengan membentuk suatu persatuan yang khusus menghadapi bahaya anti Tuhan.

6. Memperjuangkan supaya diadakannya undang-undang yang melarang mendirikan parti persatuan yang akan menegakkan atau memperkembang faham anti Tuhan di Indonesia. Hal ini terutama mengingat bahawa negara republik Indonesia adalah berdasarkan ketuhanan Yang Maha Esa maka sudah seharusnya parti dan persatuan yang berfaham menegakkan anti Tuhan dilarang di Indonesia.

7. Menentang golongan atau orang yang berfaham anti Tuhan turut memegang kekuasaan dalam badan pemerintahan di Indonesia untuk menjaga jangan sampai rahsia negara dibocorkan dan pengkhianatan dilakukan dari dalam atau kekuasaan dalam negara beransur-ansur jatuh ke tangan orang yang anti Tuhan.

8. Menunjukkan contoh dan bukti kepada umum bahawa orang yang bertuhan terutama kiyai-kiyai dan pemimpin-pemimpin Islam lebih baik akhlaknya dan lebih giat melakukan pembelaan terhadap nasib kaum miskin dan melarat daripada orang-orang yang berfaham anti Tuhan.

9. Mengarahkan perhatian yang istimewa pada waktu-waktu yang akan datang untuk menghadapi soal-soal pendidikan, pengajaran dan kebudayaan bagi anak-anak dan orang-orang dewasa dengan jalan:

a. Memperbanyak pembukaan tajhīzī, ibtidā'ī, thanuwi dan 'ali (tinggi) sehingga tiap-tiap kampung dan dusun mempunyai madrasah agama menurut keperluannya.

b. Memasukkan pelajaran agama terutama ilmu ketuhanan dalam semua sekolah-sekolah pemerintah, mulai dari sekolah-sekolah rendah sampai sekolah-sekolah tinggi. Seterusnya mengusahakan pula yang demikian untuk sekolah-sekolah rakyat.

t. Memperbanyak pengajian dan kursus agama untuk orang-orang dewasa terutama pada malam hari.

th. Memperbanyak tabligh, ceramah dan majlis mubāhathah yang membincangkan soal agama terutama ilmu ketuhanan.

j. Mengusahakan pembukaan perguruan tinggi yang berjiwa Islam dalam tempoh yang singkat-singkatnya pada tiap-tiap kota daerah di seluruh Indonesia.

10. Memperbanyak penerbitan buku-buku, surat khabar-surat khabar, majalah-majalah dan siaran-siaran yang lain yang berjiwa agama untuk bacaan anak-anak, bacaan orang dewasa dan bacaan golongan terpelajar.

Sekianlah garis besar yang sempat saya kemukakan untuk dapat kita balas bersama-sama dalam siding muktamar yang berbahagia ini. Dalam pada itu saya berharap tambahan dari saudara-saudara alim ulama jika ada kekurangannya. Dan pada akhirnya kepada Tuhan kita pohonkan kurnia hidayah, taufik, rahmat dan berkatnya. Amin!!!



**Sebagai menyambut Aidil Fitri 1377 baru-baru ini, maka sebahagian dari anggota-anggota Ikhwan Telok Pial Baruh, Kuala Kurau, Perak, telah bergambar ramai untuk kenang-kenangan.**